

FATWA MENGENAI HUKUM PENYALURAN *GHARAMAH* INSTITUSI KEWANGAN
ISLAM KE BAITULMAL

BAHAWASANYA Jawatankuasa Fatwa, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen 36 dan seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen Bil. 4 tahun 2004*], telah menyediakan fatwa yang terkandung dalam ini;

DAN BAHAWASANYA menurut subseksyen 37(6) Enakmen yang sama, Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan telah memperkenankan penyiaran fatwa ini dalam *Warta* dan Kerajaan Negeri telah dimaklumkan tentang fatwa ini;

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 37(7) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Jawatankuasa Fatwa kali

ke-203 yang bersidang pada 23-25 Februari 2015 bersamaan 4-6 Jamadilawal 1436H dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan, membuat dan menyiarkan fatwa yang berikut:

- i. Mesyuarat menegaskan bahawa harus mengenakan *gharamah* ke atas penerima biaya yang mungkir adalah berasaskan hadis Rasulullah SAW yang menyifatkan kelewatan pembayaran hutang oleh orang yang berkemampuan sebagai satu kezaliman dan boleh memudaratkan institusi kewangan Islam.
- ii. Mesyuarat juga berpandangan bahawa *gharamah* yang dihasilkan dalam institusi kewangan Islam perlu disalurkan kepada institusi yang berkait secara khusus dengan umat Islam supaya ianya tidak disalahgunakan.
- iii. Sehubungan dengan itu, selaras dengan kedudukan dan fungsi Baitulmal sebagai institusi tertinggi dalam menguruskan wang dan harta umat Islam, mesyuarat bersetuju memutuskan bahawa hasil *gharamah* institusi kewangan Islam hendaklah disalurkan ke Baitulmal bagi memastikan penggunaan harta tersebut menepati *masalah ammah* umat Islam.

Bertarikh 9 Ogos 2018

[MNPk.A351.IST/01/7JLD4;PU.Pk.07/2001]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan
TAN SERI DATO' SERI (DR) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA
*Mufti dan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa
Negeri Perak Darul Ridzuan*